TAN WAI MENG lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO: JA-43-20-06-2022]
12 JULAI 2022

Abstrak – *Kuasa menentukan kesemua pendakwaan jenayah di mahkamah adalah kuasa mutlak Pendakwa Raya yang diperuntukkan bawah per. 145 Perlembagaan Persekutuan dan s. 376 Kanun Tatacara Jenayah, yang lazimnya dikemukakan berdasarkan fakta kes dan keterangan sedia ada. Mahkamah tidak boleh sewenang-wenangnya memilih untuk meminda pertuduhan dan mencampuri hak Pendakwa Raya.*

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Pindaan pertuduhan – Pertuduhan asal bawah s. 279 Kanun Keseksaan – Majistret meminda pertuduhan selepas tertuduh mengaku bersalah – Sama ada kuasa mutlak pertuduhan pada Pendakwa Raya – Sama ada Majistret mencampuri hak Pendakwa Raya apabila meminda pertuduhan – Sama ada pertuduhan asal perlu diterima walaupun hukuman lebih ringan daripada pertuduhan pindaan – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 158, 376(1) – Perlembagaan Persekutuan, per. 145*

Pemohon dituduh di Mahkamah Majistret atas satu kesalahan bawah s. 279 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Pemohon mengaku bersalah atas pertuduhan itu. Walau bagaimanapun, Majistret kemudiannya berpendapat bahawa fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan mendedahkan satu kesalahan lain, iaitu, kesalahan bawah s. 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('Akta'). Oleh itu, dengan bergantung pada s. 158 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'), Majistret meminda pertuduhan asal bawah s. 279 Kanun pada pertuduhan pindaan bawah s. 42 Akta. Apabila pertuduhan pindaan dibacakan semula, pemohon mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan. Permohonan itu dibenarkan. Terkilan dengan keputusan Majistret, pemohon memohon pada mahkamah ini agar menjalankan kuasa semakan bawah s. 323(1) KTJ terhadap keputusan itu. Isu-isu yang berbangkit dalam semakan ini adalah, antara lain: (i) sama ada tindakan Majistret meminda pertuduhan yang dikemukakan Pendakwa Raya semasa pemohon mengaku bersalah wajar, sah dan/atau teratur; (ii) sama ada tindakan Majistret bergantung pada s. 158 KTJ melangkaui kuasa Pendakwa Raya yang ditetapkan bawah per. 145 Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan') dan s. 376 KTJ; dan (iii) sama ada s. 158 KTJ memberi kuasa pada mahkamah untuk meminda atau memilih pertuduhan.

Diputuskan (mengakas perintah Majistret):

(1) Sebaik pertuduhan asal bawah s. 279 Kanun dirangka oleh pendakwaan, Majistret tidak perlu risau atau mencari-cari pertuduhan yang lebih sesuai berdasarkan fakta kes yang dibentang oleh pendakwaan. Pemohon telah pun mengaku bersalah atas pertuduhan asal dan di peringkat itu, pindaan pertuduhan ke s. 42 Akta bercanggah dengan niat asal Parlimen semasa menggubal peruntukan s. 158 KTJ. Peruntukan s. 158 KTJ terpakai dalam keadaan yang ditetapkan bawah s. 173(h), (i) dan (j) KTJ dan bukan di peringkat pengakuan bersalah. Oleh itu, Majistret terkhilaf apabila bergantung pada peruntukan s. 158 KTJ untuk meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan pindaan yang membawa hukuman yang lebih berat. (perenggan 17, 18 & 20)

(2) Hak mutlak untuk mendakwa adalah pada Pendakwa Raya seperti yang diperuntukkan bawah s. 376(1) KTJ dan per. 145(3) Perlembagaan. Pendakwa Raya telah memilih pertuduhan bawah s. 279 Kanun, sesuai dan bertepatan dengan fakta kes, dan pemohon telah mengakui kebenaran fakta kes itu. Dengan meminda pertuduhan asal pada pertuduhan pindaan, Majistret mencampuri hak Pendakwa Raya untuk menentukan pertuduhan yang diputuskan terhadap pemohon. Majistret seharusnya menerima pertuduhan asal bawah s. 279 Kanun walaupun hukumannya lebih ringan daripada pertuduhan pindaan bawah s. 42(1) Akta. (perenggan 21-23)

(3) Menggunakan kuasa semakan, perintah Majistret meminda pertuduhan asal pada pertuduhan bawah s. 42(1) Akta diakas dan kes pemohon diperintahkan didengar atas pertuduhan asal, iaitu bawah s. 279 Kanun. (perenggan 24 & 25)

Kes-kes yang dirujuk:

Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
Long Samat & Ors v. PP [1974] 1 LNS 80 FC ***(dirujuk)***
PP v. Heng You Nang [1949] 1 LNS 61 HC ***(dirujuk)***
PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon [1998] 4 CLJ 278 CA ***(diikuti)***
PP v. Tan Kim Kang & Ors [1962] 1 LNS 137 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 158, 173(h), (i), (j), 323(1), 376(1)
Federal Constitution, art. 145(3)
Penal Code, ss. 279, 297, 324, 326
Road Transport Act 1987, s. 42(1)

Bagi pihak pemohon - Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin; T/n Azwan Aiman Forsberg & Co
Bagi pihak responden - Faizal Noor Hadi; TPR, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H

Pengenalan

[1] Pemohon telah dituduh di Mahkamah Majistret (4), Johor Bahru, Johor Darul Takzim atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> **Pertuduhan:**
>
> Bahawa kamu pada 7/6/2022, jam lebih kurang 0945 HRS di KM 4.5 Lebuhraya Penyuraian Timur, EDL (hala Pusat Bandar) di dalam Daerah Johor Bahru, di negeri Johor sebagai pemandu motorkar no.: DDV 97 telah memandu kenderaan tersebut di atas jalanraya secara gopoh dan merbahaya dengan cara memotong dengan laju disebelah kiri sehingga menyebabkan konvoi polis sedang bergerak serta merbahaya kepada orang awam yang lain. Dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 279 Kanun Keseksaan dan dihukum di bawah peruntukan Kanun yang sama.

[2] Pemohon pada 16 Jun 2022 telah hadir di hadapan Puan Majistret, Mahkamah Majistret (4), Johor Bahru, Johor Darul Takzim (Puan Majistret itu). Pemohon telah mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah s. 297 Kanun Keseksaan (Kanun itu). Sebagaimana lazimnya, Pegawai Pendakwa yang menjalankan pendakwaan iaitu Puan Vikineswary a/p Subramaniam telah mengemukakan fakta kes secara bertulis (P1). Pemohon telah memahami dan mengakui kebenaran fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan.

[3] Puan Majistret itu selepas itu mengajukan beberapa soalan kepada pemohon dan kemudiannya beliau telah berpandangan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan mendedahkan kesalahan lainnya iaitu kesalahan di bawah s. 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta itu). Puan Majistret itu bergantung kepada peruntukan s. 158 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan meminda pertuduhan asal iaitu s. 297 Kanun itu kepada pertuduhan pindaan iaitu s. 42 Akta itu.

[4] Puan Majistret itu telah meminta pertuduhan pindaan dibacakan semula kepada pemohon. Pemohon tidak mengaku bersalah dan meminta dibicarakan. Puan Majistret itu kemudiannya membenarkan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin. Puan Majistret itu menetapkan pada 28 Julai 2022 sebagai tarikh pengurusan kes.

[5] Pemohon yang terkilan dengan keputusan Puan Majistret itu meminda pertuduhan asal s. 297 Kanun itu kepada pertuduhan pindaan di bawah s. 42 Akta itu, melalui peguamnya telah menulis surat bertarikh 29 Jun 2022 memohon mahkamah ini menjalankan kuasa semakan yang ada di bawah s. 323(1) KTJ terhadap keputusan Puan Majistret itu.

A **Latar Belakang Kes**

[6] Bagi memudahkan untuk memahami permohonan semakan jenayah ini, eloklah dibentangkan fakta kes pendakwaan seperti berikut: Pada 7 Jun 2022 jam lebih kurang 9.45 pagi semasa Mohd Fakhri bin Zuhaidi, JSPT Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Johor (pengadu) menjalankan tugas rasmi iaitu
B mengiring Pengarah JSJN dari Bandar Dato' Onn menghala ke Bangunan Sultan Iskandar dengan menggunakan kenderaan rasmi pasukan MPV Jenis Honda FC Nombor Pendaftaran: VFN 9142 dengan menyalakan lampu Beacon dan siren.

C **[7]** Semasa penugasan tersebut, pada jam 9.52 pagi apabila sampai di KM 4.5 Lebuhraya EDL menghala ke Johor Bahru, pengadu telah memberikan arahan dengan memberikan isyarat tangan dan menggunakan pembesar suara kepada kenderaan jenis Mercedez Benz Nombor Pendaftaran: DDV 97 yang dipandu oleh pemohon. Pengadu mengarahkan kereta yang dipandu oleh pemohon memperlahankan kenderaan dan masuk ke lorong kiri untuk
D memberi laluan kepada konvoi Pengarah JSJN atas urusan rasmi menuju Bangunan Sultan Iskandar.

[8] Apabila sampai di KM 3.8 Lebuhraya EDL menghala Bandar Seri Iskandar, kenderaan yang dipandu oleh pemohon datang daripada arah
E belakang konvoi tanpa mempedulikan arahan pengadu telah memotong konvoi Pengarah JSJN di lorong kiri dengan cara pemanduan secara melulu dan merbahaya. Kenderaan tersebut dipandu mencelah-celah di sisi kenderaan awam yang lain dengan dipandu secara laju.

[9] Pengadu kemudiannya berjaya mengarahkan untuk membuat
F tangkapan ke atas pemohon atas kesalahan memandu secara merbahaya dan menghalang tugas penjawat awam. Pengadu telah membuat laporan polis sebagaimana Trafik Johor Bahru (S) 010325/22 (P2).

Merit Permohonan Semakan Jenayah

G **[10]** Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan pemohon, eloklah diperturunkan peruntukan s. 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s. 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence
H or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[11] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu)
I menyatakan seperti berikut:

> We could observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is:
>
> ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[12] Berdasarkan prinsip undang-undang yang dirujuk di perenggan [11] di atas, mahkamah ini telah meneliti nota prosiding/RVT di hadapan Puan Majistret itu dan hujahan bertulis/lisan pihak-pihak, mahkamah ini berpendapat beberapa isu telah diketengahkan bagi tujuan semakan iaitu:

(i) Sama ada tindakan Puan Majistret itu meminda pertuduhan yang dikemukakan oleh Pendakwa Raya semasa pemohon mengaku bersalah adalah wajar, sah dan/atau teratur atau pun pra matang, tidak sah atau teratur?

(ii) Sama ada Puan Majistret itu yang bergantung kepada s. 158 KTJ melangkaui kuasa Pendakwa Raya yang ditetapkan di bawah per. 145 Perlembagaan Persekutuan dan s. 376(1) KTJ dalam menentukan kesemua pendakwaan jenayah di mahkamah? dan

(iii) Sama ada peruntukan s. 158 KTJ memberi kuasa kepada mahkamah untuk meminda pertuduhan atau memilih pertuduhan?

Bagi Isu (i)

[13] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan tindakan Puan Majistret itu yang meminda pertuduhan asal s. 279 Kanun itu kepada pertuduhan pindaan s. 42 Akta itu terkeluar daripada peruntukan s. 158 KTJ yang digubal oleh Badan Parlimen. Beliau menarik perhatian mahkamah ini kepada kes *PP v. Tan Kim Kang & Ors* [1962] 1 LNS 137; [1962] 28 MLJ 388 di mana YA Hashim J dalam penghakimannya menyatakan:

> I would like to comprehend on the powers of the Court under section 158 of the Criminal Procedure Code. Section 158 of the Criminal Procedure Code empowers a Court to "alter or add to any charge at any time before judgment is pronounced". It is permissible under that section to alter the charge after the defence has been called *but it is a course which should be adopted only with great caution. I think a safer and better course would be to follow the provisions of section 173(h), (i) and (j) of the Criminal Procedure Code. It is quite clear from the 3 sub-sections that a President or a Magistrate should make any alteration or amendment to the charge only at the close of the case for the prosecution.*" (emphasis added)

[14] Berbalik kepada kes semakan sekarang, pemohon mengaku bersalah atas pertuduhan asal iaitu kesalahan di bawah s. 279 Kanun itu yang berbunyi seperti berikut:

> Whoever drives any vehicle, or rides on any public way in a manner so rash or negligent as to endanger human life, or to be likely to cause hurt or injury to any other person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to six months or with fine which may extend to two thousand ringgit or with both.

[15] Mahkamah ini berkesempatan meneliti nota keterangan di hadapan Puan Majistret itu, sebaik pendakwaan mengemukakan fakta kes secara bertulis (P1). Pemohon telah mengakui kebenaran fakta kes selaras dengan pertuduhan yang asal iaitu s. 297 Kanun itu. Walaupun begitu, Puan Majistret itu berpandangan pemohon perlu dituduh atas kesalahan lainnya iaitu s. 42(1) Akta itu. Peruntukan s. 42(1) Akta itu memperuntukkan seperti berikut:

> (1) Any person who drives a motor vehicle on a road recklessly or at a speed or in a manner which having regard to all the circumstances (including the nature, condition and size of the road and the amount of traffic which is or might be expected to be on the road) is dangerous to the public shall be guilty of an offence and shall on conviction be punished with imprisonment for a term not exceeding five years and to a fine of not less than five thousand ringgit and not more than fifteen thousand ringgit and, in the case of a second or subsequent conviction, to imprisonment for a term not exceeding ten years and to a fine of not less than ten thousand ringgit and not more than twenty thousand ringgit.

[16] Mahkamah ini merujuk kes *PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon* [1998] 4 CLJ 278 di mana YA Lamin Mohd Yunus HMR berpandangan:

> [1] When a charge is first read to an accused at the commencement of the trial it must be the charge that has been framed by the prosecutor for at that stage it is only the prosecutor who knows the case. This is subject to the power of the court to amend the charge in the course of the trial.

[17] Mahkamah ini berpendapat, sebaik pertuduhan asal dirangka oleh pendakwaan iaitu kesalahan di bawah s. 279 Kanun itu, Puan Majistret itu tidak perlu risau atau mencari-cari apakah pertuduhan yang lebih sesuai bergantung kepada fakta kes yang telah dibentangkan oleh pendakwaaan. pemohon telah pun mengaku bersalah atas pertuduhan asal yang membawa hukuman maksima penjara enam bulan atau denda maksima RM2,000 atau kedua-duanya.

[18] Diperingkat pemohon yang ingin mengaku bersalah, Puan Majistret itu yang meminda pertuduhan asal kepada s. 42 Akta itu ianya bercanggah dengan niat asal Badan Parlimen semasa menggubal peruntukan s. 158 KTJ. Puan Majistret itu hanya dibenarkan untuk meminda pertuduhan asal dalam keadaan yang dibenarkan di bawah peruntukan s. 173(h), (i) dan (j) KTJ sebagaimana yang disarankan dalam kes *Tan Kim Kang & Ors* (*supra*).

[19] Mahkamah ini merujuk kes *PP v. Heng You Nang* [1949] 1 LNS 61; [1949] MLJ 285 di ms. 287 menyatakan: A

> Under section 173(h), Subordinate Courts have a duty to consider the charge and amend it if necessary. Nevertheless I do not think that this section makes it incumbent on the court to search the law for offences which an accused person may have committed. It is for the prosecution to decide what their real complaint against the accused is and to frame their charges or to submit amendments accordingly. B

[20] Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret itu terkhilaf apabila bergantung kepada peruntukan s. 158 KTJ untuk meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan pindaan iaitu s. 42(1) Akta itu yang membawa hukuman yang lebih berat iaitu penjara maksima lima tahun atau denda minima RM5,000 dan maksima RM15,000 atau kedua-duanya. Disamping itu, jika disabitkan atas kesalahan s. 42(1) Akta itu, pemohon boleh hilang kelayakan memegang lesen memandu minima lima tahun. C

Bagi Isu (ii) D

[21] Peguam pemohon yang terpelajar menghujahkan sama ada Puan Majistret itu yang bergantung kepada s. 158 KTJ melangkaui kuasa Pendakwa Raya yang ditetapkan di bawah per. 145 Perlembagaan Persekutuan dan s. 376(1) KTJ dalam menentukan kesemua pendakwaan jenayah di mahkamah. Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret itu yang meminda pertuduhan asal s. 279 Kanun itu kepada pertuduhan pindaan s. 42(1) Akta itu telah bertindak mencampuri hak Pendakwa Raya untuk menentukan apakah pertuduhan yang telah pun diputuskan terhadap Pemohon. Pendakwa Raya mempunyai hak mutlak untuk mendakwa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 376(1) KTJ dan per. 145(3) Perlembagaan Persekutuan. E F

[22] Mahkamah ini merujuk kes *Long Samat & Ors v. PP* [1974] 1 LNS 80 di mana mahkamah tidak boleh mempersoalkan tindakan pendakwaan memilih pertuduhan s. 324 Kanun itu walaupun terdapat keterangan yang mencukupi untuk pertuduhan s. 326 Kanun itu. Berbalik kepada kes pemohon, Puan Majistret itu tidak boleh mengambil alih kuasa Pendakwa Raya apabila meminda pertuduhan asal yang ringan hukumannya kepada pertuduhan pindaan iaitu s. 42(1) Akta itu yang membawa hukuman yang lebih berat. Sebagaimana yang disarankan oleh YA Lamin Mohd Yunus HMR dalam kes *Jorge Enrique Pellon Tellon* (*supra*), Puan Majistret itu seharusnya menerima pertuduhan asal s. 279 Kanun itu walaupun hukumannya lebih ringan. Puan Majistret itu tidak perlu untuk meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan pindaan iaitu s. 42(1) Akta itu. G H I

A *Bagi Isu (iii)*

[23] Mahkamah ini telah menyentuh ruang lingkup peruntukan s. 158 KTJ ia terpakai dalam keadaan yang ditetapkan di bawah s. 173(h), (i) dan (j) KTJ dan bukannya diperingkat pengakuan bersalah. Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam pemohon yang terpelajar dan TPR yang terpelajar,
B Puan Majistret itu bukannya untuk meminda pertuduhan sebagaimana yang dibenarkan oleh s. 158 KTJ tetapi memilih pertuduhan yang lebih berat iaitu s. 42(1) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret itu tidak perlu mencampuri hak Pendakwa Raya untuk memilih apakah pertuduhan yang sesuai di kaca mata pendakwaaan. Pendakwa Raya telah memilih s. 279
C Kanun itu yang sesuai dan bertepatan bergantung kepada fakta kes yang dikemukakan. Pemohon telah pun mengakui kebenaran fakta kes dan Puan Majistret itu yang secara sendiri bertindak meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan pindaan iaitu s. 42(1) Akta itu.

Kesimpulan

D

[24] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada mengakaskan Perintah Puan Majistret itu yang meminda pertuduhan asal kepada pertuduhan di bawah s. 42(1) Akta itu.

E **[25]** Mahkamah ini memerintahkan kes pemohon didengar atas pertuduhan yang asal iaitu kesalahan s. 279 Kanun itu di hadapan Majistret yang lainnya.

[26] Mahkamah ini menetapkan pada 17 Julai 2022 jam 10 pagi untuk sebutan kes di Mahkamah Majistret, Johor Bahru.

F

G

H

I